

24 MAY 1999

Abdullah-Visa

MALAYSIA AKAN BUKA LEBIH BANYAK KONSULAT DI CHINA

PETALING JAYA, 24 Mei (Bernama) -- Malaysia akan membuka lebih banyak pejabat konsul di China untuk mengeluarkan visa kepada rakyat China yang ingin melawat negara ini.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata hari ini pejabat konsul berkenaan akan dibuka di tempat-tempat yang mempunyai banyak permintaan untuk visa.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas melancarkan buku "A New Deal For Asia" yang ditulis oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata Ketua Pengarah Imigresen Datuk Aseh Che Mat baru-baru ini telah melawat China untuk mengenal pasti tempat-tempat bagi pembukaan pejabat berkenaan.

Pada masa ini rakyat China boleh memohon visa Malaysia dari Kedutaan Malaysia di Beijing dan di pejabat konsul Malaysia di Hong Kong dan Guangzhou.

"Kita tidak ada masalah untuk memberi visa kepada pelancong dari China untuk masuk ke Malaysia, sama ada melalui KLIA, Langkawi, Johor Baharu atau mana-mana pintu masuk," katanya.

Abdullah berkata keputusan untuk membuka lebih banyak pejabat konsul di China itu adalah kerana pihak berkuasa China memerlukan visa dikeluarkan lebih awal kepada rakyatnya sebelum mereka melawat Malaysia.

Katanya melalui pembukaan pejabat-pejabat berkenaan pengeluaran visa akan dapat dipercepatkan.

Kepada satu soalan, beliau berkata keputusan untuk membuka lebih banyak konsulat itu hanya melibatkan negara China sahaja.

Timbalan Perdana Menteri juga berkata rakyat China yang datang dari negara-negara ketiga akan diberi visa di tempat masuk.

Misalnya, jika rayat China melawat Indonesia dan ingin melawat Malaysia pula, mereka boleh mendapatkan visa di pintu masuk di Malaysia.

Mengenai ulang tahun ke-25 hubungan Malaysia-China, Abdullah berkata Malaysia gembira kerana hubungan di antara kedua-dua negara telah sekian lama baik dan saling menguntungkan kedua-dua pihak.

"Kita harap hubungan ini akan terus memberi keuntungan atau faedah kepada kedua-dua negara," katanya.

Abdullah berkata hubungan yang baik ini adalah hasil usaha rakyat kedua-dua negara yang ikhlas mahu menjalin persahabatan dan kerjasama.

-- BERNAMA

ES NMO